

# Siswa UMS timba ilmu di Pameran 'Selsius 2016'

UB 25-8-16 A6

KOTA KINABALU: Seramai 16 pelajar Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menyertai Pameran Festival Seramik Antarabangsa ke-7 Selsius 2016, baru-baru ini.

Menurut Ketua Program Teknologi Seni Visual UMS Norhayati Ayob, pameran yang bertempat di Galeri Reka Balai Seni Visual Negara, Kuala Lumpur itu disertai oleh kumpulan pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun satu, dua dan tiga serta pelajar Ijazah Sarjana Program Teknologi Seni Visual.

"Pameran ini turut melibatkan penyertaan dari 11 negara iaitu Korea Selatan, Turki, China, India, Thailand, Amerika Syarikat, Switzerland, Jepun, Singapura, Indonesia dan juga Malaysia.

"Ini sekali gus memberi pengalaman baharu kepada pelajar Teknologi Seni Visual untuk mendalamai seni seramik dari negara luar," katanya.

Sementara itu, pensyarah Program Teknologi Seni Visual Prof Madya Dr Baharuddin Mohd Arus berkata pameran itu turut memberi pendekatan pembelajaran di luar kampus dengan melihat demonstrasi dari seniman antarabangsa dan tempatan.

Terdahulu, kurator pameran Dr Shamsu Muhamad menjelaskan perkataan Selsius merupakan metafora kepada semangat dan impian agar seni seramik kontemporari negara sentiasa berkembang di persada antarabangsa.

"Selsius sendiri bermaksud takat



**AKTIVITI pelajar UMS bersama seniman seramik antarabangsa.**

suhu pembakaran seramik yang dipraktis oleh seniman, pereka, usahawan kraf dan teknologi industri.

"Justeru, Pameran Selsius merupakan antara satu wadah dan wahana kepada seniman seramik lama dan baru dalam menzahirkan idea kreatif yang bersinergi dengan teknologi mutakhir,"

katanya.

Pelbagai program sokongan yang akan dijalankan di Balai Seni Visual Negara antaranya Bicara Seni, Demonstrasi dan Bengkel Seramik, serta Jualan Seramik.

Pameran itu dibuka kepada orang ramai bermula 2 Ogos lalu sehingga 30 September



**SISWA UMS bergambar kenangan sempena pameran Selsius 2016 di Kuala Lumpur.**